

Buntu cari ibu kandung

SEBERANG JAYA – Seorang pengasuh di sebuah taska dekat sini, buntu apabila usahanya untuk mencari keluarga kandung masih tidak menampakkan hasil.

Masalah itu menyebabkan proses untuk Intan Shafinas, 24, mendapatkan kad pengenalan juga terbantut kerana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) memerlukan maklumat ibunya bagi tujuan pengesahan sebelum membolehkannya mendapatkan kad pengenalan.

Intan berkata, dia tidak tahu di mana mahu mencari ibu kandungnya itu kerana tiada sebarang petunjuk, tambahan wanita yang mengambilnya sebagai anak angkat ketika masih bayi sudah meninggal dunia.

“Ibu (angkat), Jamilah Jaafar satu-satunya orang yang mempunyai maklumat mengenai ibu kandung saya, tetapi dia pergi dulu sebelum sempat menceritakan segala-

nya kepada saya.

“Malah, saya juga hanya tahu yang saya ini hanyalah anak angkat ketika ibu sakit tenat pada 2007 lalu, akibat penyakit kanser,” katanya.

Intan berkata, sejak itu dia cuba menjejaki ibu kandungnya tetapi gagal kerana tidak tahu di mana dia berada dan tidak tahu sama ada masih hidup atau sebaliknya.

“Yang saya tahu, ibu kandung dikenali sebagai Mimi dan menyerahkan saya kepada

ibu angkat di Kampung Jawa, Klang ketika berusia satu minggu,” katanya.

Gadis malang itu berkata, jauh di sudut hatinya amat berharap agar keluarga kandungnya dapat tampil bagi memudahkannya mendapat kad pengenalan.

“Saya tak tahu bagaimana caranya lagi untuk mencari keluarga kandung dan berharap dengan tersiarnya kisah ini, kami dapat dipertemukan,” katanya.



Intan menunjukkan gambarnya bersama ibu angkatnya.



BUNTU...Intan menunjukkan gambar bersama ibu bapa angkatnya.

Ibarat warga asing di tanah air sendiri

SEBERANG JAYA: “Saya buntu dan tidak tahu di mana lagi mahu mencari mereka,” luah Intan Shafinas Abdullah, 24, yang sedang mencari keluarga kandungannya.

Selain mahu bertemu dengan mereka selepas terpisah sejak kecil, dia berusaha mengesan keluarganya bagi permohonan kad pengenalan.

Dia yang kini ibarat warga asing di tanah air sendiri memerlukan maklumat ibu dan bapanya bagi membantu permohonannya mendapatkan kad pengenalan.

Menurutnya, permohonannya untuk memiliki kad pengenalan gagal berikutan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) memerlukan butiran lengkap ibu bapa kandungannya.

Katanya, ibu bapa kandungannya menyerahkannya kepada sepasang suami isteri iaitu Jamilah Ja’afar dan Raja Shahrin Raja Shahr.

“Pada awalnya, saya tidak mengetahui anak angkat sehingga berusia 20 tahun.

“Ibu angkat saya hanya sempat menceritakan serba sedikit latar belakang saya dan ibu kandung sebelum meninggal dunia pada 2007,” katanya.

Intan berkata, berdasarkan maklumat itu, ibu kandungannya hanya dikenali sebagai Mimi dan dia diserahkan ketika berusia tujuh hari di Kampung Jawa, Klang di Selangor.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai keluarga angkat Intan boleh menghubunginya di talian 017-4774558.

Kaji semula gelaran ikut bapa

PUTRAJAYA: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan mengkaji semula prosedur baru penamaan gelaran keturunan kanak-kanak supaya mengikut gelaran keturunan bapa yang dibuat tahun lalu, kata Ketua Pengerahnya, Datuk Jariah Mohd Said.

Menurutnya, pihaknya memutuskan mengkaji semula prosedur itu selepas mengambil kira pandangan banyak pihak.

“Tindakan susulan akan dibuat dengan bertemu beberapa kumpulan termasuk pihak berkuasa setiap negeri bagi mendapatkan nasihat serta pandangan mereka sebelum sebarang keputusan dibuat,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Prosedur baru itu diputuskan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Menimbang Permohonan Khas Kewarganegaraan Malaysia dan Permit Masuk pada 13 Julai 2011.

Prosedur penamaan gelaran dikaji - Jariah

PUTRAJAYA 26 Jan. - Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan mengkaji semula prosedur baru penamaan gelaran keturunan kanak-kanak yang telah diputuskan tahun lalu supaya mengikut gelaran keturunan bapa.

Ketua Pengarah JPN, Datuk Jariah Mohd. Said berkata, keputusan itu ekoran rasa tidak puas hati beberapa pihak terhadap prosedur baru yang diputuskan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Menimbang Permohonan Khas Kewarganegaraan Malaysia dan Permit Masuk pada 13 Julai tahun lalu.

Pekeliling mengenainya telah dikeluarkan JPN kepada cawangnya di seluruh negara pada 29 September dengan arahan berkuat kuasa serta-merta.

Menurutnya, dengan keputusan tersebut, anak-anak tidak lagi boleh mewarisi gelaran keturunan ibu sebagaimana peraturan sebelumnya yang membenarkan penamaan dibuat mengikut keturunan ibu atau bapa.

“Bagaimanapun, selepas mengambil kira pandangan banyak pihak, JPN memutuskan untuk mengkaji

semula keputusan ini dan tindakan susulan akan dibuat dengan bertemu beberapa kumpulan tertentu termasuklah pihak berkuasa setiap negeri bagi mendapatkan nasihat serta pandangan mereka sebelum sebarang keputusan dibuat,” katanya di sini hari ini.

Jariah mengulas tulisan pembaca dalam ruangan *Forum Utusan Malaysia* iaitu kaum wanita berketurunan raja-raja di Kelantan yang bergelar Tengku, Engku, Ku, Raja dan Tuan kecewa apabila anak mereka tidak boleh diberikan gelaran ‘Nik’ selepas berkahwin dengan suami yang bukan berketurunan raja.

Arahan tersebut telah mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan kerabat raja-raja di negeri Kelantan kerana sebelum ini mereka menamakan anak-anak dengan gelaran ‘Nik’ tetapi tidak boleh berbuat demikian apabila melahirkan anak pada 2012.

Di Kelantan, keturunan raja-raja sejak turun-temurun mengamalkan penamaan gelaran ‘Nik’ sekiranya seseorang wanita berkahwin dengan lelaki bukan daripada keturunan raja.